



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA  
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM  
“DARI BILIK BICARA KE BILIK DARJAH (MYC2C)”**

Majlis Pelancaran Program “Dari Bilik Bicara ke Bilik Darjah (MYC2C)” diadakan pada 02 Februari 2020 (Ahad) bertempat di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan pada jam 9.00 pagi dan dilancarkan oleh Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat.

Turut hadir bagi menyempurnakan Majlis adalah Presiden Mahkamah Rayuan, Y.A.A Dato’ Rohana binti Yusuf, Hakim Besar Malaya, Y.A.A Tan Sri Dato’ Sri Azahar bin Mohamed, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), YB Tuan Hanipa bin Maidin, dan Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Puan Teo Nie Ching.

Program MYC2C ini merupakan salah satu usaha Badan Kehakiman Malaysia untuk meningkatkan literasi undang-undang dalam kalangan pelajar sekolah. Usaha murni Badan Kehakiman Malaysia ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal mengenai sistem dan fungsi badan kehakiman dan perundangan negara kepada pelajar-pelajar sekolah. Dengan adanya inisiatif ini, para pelajar sekolah juga diharap agar dapat menerapkan sikap menghormati undang-undang serta membudayakan kepatuhan terhadap undang-undang sejak dari awal serta dapat memupuk minat para pelajar terhadap bidang kehakiman dan perundangan.

Program MYC2C ini merangkumi 3 modul utama iaitu ‘Hakim ke Sekolah’, ‘Peguaam Muda’ dan ‘Lawatan ke Mahkamah’. Bagi modul ‘Hakim ke Sekolah’, Hakim Sesyen atau Pegawai Kehakiman akan memberi ceramah di sekolah mengenai topik-topik yang melibatkan kehakiman dan perundangan.

Bagi modul 'Peguam Muda' pula, pihak mahkamah akan mengadakan sesi perbicaraan olok-olok yang melibatkan para pelajar membawa watak seperti hakim, pegawai pendakwa, peguam, jurubahasa, polis dan si tertuduh (OKT). Sesi ini akan diadakan di premis Mahkamah dan pihak Mahkamah akan menyediakan skrip berdasarkan situasi kes sebenar.

Dibawah modul 'Lawatan ke Mahkamah' pula, pihak sekolah boleh memohon untuk mengadakan lawatan ke mana-mana mahkamah di seluruh Malaysia. Antara tentatif semasa sesi lawatan tersebut adalah taklimat mengenai sistem kehakiman dan perundangan, sesi pemerhatian semasa perbicaraan di Mahkamah dan juga lawatan ke bangunan di dalam Mahkamah.

Bagi memudahkan perjalanan program MYC2C ini, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Portal MYC2C yang bertujuan sebagai medium dalam talian yang memberikan maklumat dan perkembangan semasa mengenai program ini dan bagi tujuan permohonan modul-modul dibawah Program MYC2C.

Portal MYC2C ini juga dilancarkan pada 02 Februari 2020 dan boleh diakses melalui pautan [MYC2C.kehakiman.gov.my](http://MYC2C.kehakiman.gov.my).

**Disediakan oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA  
Tarikh: 02 Februari 2020